

# Media Permata

Sejak 1995

Jilid: MP26/035 • Khamis, 10 Ogos 2023 / 23 Muharram 1445H • B\$1.50 • Harian Unggul Brunei Darussalam

WAKTU SOLAT IMSAK 4:46AM • SUBUH 4:56AM • SYURUK 6:17AM • DOHA 6:40AM • ZOHOR 12:27PM • ASAR 3:45PM • MAGHRIB 6:35PM • ISYAK 7:47PM • TAMBAH 3 MINIT BAGI BELAIT DAN 1 MINIT BAGI TUTONG

## SEMINAR DALAMI ILMU DAKWAH



Dr Norashibah (tengah), Dr Norasimah dan Awang Mohammad Muslihuiddin Syah semasa sidang media kelmarin.

Oleh Yusrin Junaidi

**BANDAR SERI BEGAWAN, 9 OGOS** – Sempena sambutan Ilal Hijrah 1445, Seminar Antarabangsa Pendidikan Usuluddin akan diadakan pada 16 dan 17 Ogos di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU

SB).

Dengan tema *Memperkasa Kualiti Daie*, seminar berkenaan dianjurkan oleh KUPU SB melalui Fakulti Usuluddin dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian

Hal Ehwal Ugama.

Antara objektif pelaksanaan seminar tersebut adalah sebagai wadah bagi mendalami ilmu usul dakwah dengan isu-isu yang realistik dan strategik demi memperkasa gerak kerja dakwah yang berkesan. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran daie dengan metodologi dakwah yang pelbagai dan penggunaan media teknologi terkini bagi menjamin kualiti daie.

Demikian menurut Dekan Fakulti Usuluddin, Dr Norashibah binti Haji Besar selaku pengerusi seminar ketika menjelaskan perkara tersebut semasa sidang media yang berlangsung di KUPU SB hari ini.

Turut hadir dalam sidang media berkenaan ialah Timbalan Dekan Fakulti Usuluddin, Dr Norasimah binti Haji Omar dan Setiausaha Seminar, Awang Mohammad Muslihuiddin Syah bin Haji Mustafa.

Dalam penerangannya, Dr Norashibah menekankan kepentingan pengetahuan dan kemahiran dalam proses berdakwah.

“Pendakwah merupakan golongan yang berperanan penting dalam menyampaikan Islam kepada masyarakat. Hal ini kerana mereka antara insan yang telah dipertanggungjawabkan oleh Allah dalam memakmurkan agama di muka bumi ini. Aspek persiapan dianggap elemen penting dalam menentukan keberkesanan proses penyampaian dakwah,” ujarnya.

Setiap pendakwah hendaklah mempunyai ilmu dan kemahiran yang berkaitan dengan isu-isu yang realistik dan strategik demi memperkasa gerak kerja dakwah yang berkesan.

Sehubungan dengan itu, sebanyak lima pembentangan kertas kerja akan disampaikan.

Kertas Kerja Perdana akan disampaikan oleh Mufti Kerajaan,

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Seterusnya, Kertas Kerja Utama akan disampaikan oleh Pengarah Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dato’ Dr Fariza Mohd Sham. Selain itu, Kertas Kerja II akan dibentangkan oleh Timbalan Naib Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Dato’ Zulkiple Abdul Ghani. Manakala, Kertas Kerja III akan disampaikan oleh Raes KUPU SB, Dr Haji Adanan bin Haji Basar dan Kertas Kerja IV akan dibentangkan oleh Ketua Program Pengajian Siswazah, UNISSA, Profesor Madya Dr Kamaluddin Nurdin Marjuni.

Seminar tersebut turut dibukakan kepada pegawai dan kakitangan dari kementerian-kementerian dan agensi swasta serta orang awam yang berminat.